A Singapore Government Agency Website. Beware of government impersonation scams. How to identify



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.



# Pilehanraya tidak ganggu kemajuan —D.O.

Berita Harian, 30 March 1964, Page 6



# Pilehanraya tidak ganggu kemajuan —D.O.

KAJANG, Ahad. — Menteri Besar Selangor, Dato' Abu Bakar Baginda akan merasmikan sa-buah balai raya yang berharga $15,000 dan sa-buah surau yang berharga $5,000 di-Batu 9 Cheras Kajang pada 4 April ini.

Pengerusi Pembangunan Luar Bandar daerah Ulu Langat dan Kajang, Tuan Syed Ismail memberi tahu Berita Harian bahawa su-nggoh pun sekarang ini se-mua daerah sedang meng-hadapi pilehan raya tetapi semua ranchangan untok Pembangunan Luar Bandar berjalan dengan lanchar-

nya.

Balai raya yang akan di-rasmikan oleh Menteri Besar ini ia-lah sa-buah balai raya yang termoden sekali di-daerah ini yang di-bena pada tahun 1963.

Tuan Syed Ismail juga menerangkan kerajaan Negeri Selangor juga telah membena sa-buah masjid di-Kampong Sungai Merab berharga $25,000 dan sa-buah sekolah Kebangsaan di-Sungai Sekamat Kajang.

Masjid dan sekolah ini akan siap pada pertengahan bulan June 1964 ini.

NLB

Contact Us Feedback FAQ

Report Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31